

Kemakmuran ekonomi China menguntungkan seluruh dunia

KUALA LUMPUR - 7 MAY 2002

6 Mei ~ Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemakmuran ekonomi China akan menguntungkan seluruh dunia jika negara itu tidak dianggap sebagai musuh atau ancaman dalam persaingan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, negara lain boleh mengambil kesempatan daripada pertambahan pendapatan penduduk untuk menawarkan barangan yang tidak dihasilkan di China atau menarik pelancong serta pelabur China ke negara masing-masing.

"Kita tidak harus terikat dengan kebimbangan bahawa China merupakan 'Lohong Hitam' (Black Hole) yang menyedut semua pelaburan langsung asing (FDI) di rantau ini."

"Sebenarnya semua modal yang masuk ke China itu akan keluar semula dan terserah kepada negara-negara individu untuk mengenal pasti apa yang perlu dilakukan," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menyatakan demikian pada majlis dialog selepas menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di Hotel Mandarin Oriental di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, tidak ada negara yang mendapat faedah apabila China disekat daripada menyertai perdagangan antarabangsa suatu masa dahulu kerana negara itu dianggap sebagai ancaman dari segi keselamatan dan ekonomi.

"Hari ini kita melihat perdagangan Asia Tenggara dengan China meningkat dengan banyaknya," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun FDI mengalir dengan banyak ke China, ia tidak bermakna negara lain perlu tutup kedai atau tidak mampu bersaing.

'Ada perkara yang tidak boleh dibuat oleh China seperti kertas atau minyak sawit untuk digunakan oleh lebih 1.3 bilion penduduknya.

"Pada satu masa nanti, pendapatan penduduk China juga akan meningkat dan mereka pula akan keluar melancong seperti yang pernah dilakukan oleh penduduk Jepun," kata Perdana Menteri.

Mengenai Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan memenuhi komitmennya seperti yang dimeterai dalam perjanjian tersebut walaupun menghadapi masalah dalam satu atau dua industri.

"Secara jujur saya akui kadang-kadang kami juga melakukan kesilapan dalam perjanjian yang ditandatangani.

Tetapi secara amnya Malaysia menerima AFTA dan akan melunaskan komitmen kami," ujarnya.

'Malaysia sebelum ini meminta penangguhan selama dua tahun sehingga tahun 2005 di bawah AFTA untuk melonggarkan tarif automotif antara kosong hingga lima peratus.